

Galak mahasiswa ceburi bidang veterinar

Serdang: Menyedari bidang keusahawanan veterinar yang berpotensi untuk diceburi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Inkubator Keusahawanan PutraBiz@Vet yang diharap dapat menggalakkan siswazah menceburkan diri dalam bidang berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Mohd Azmi Mohd Lila berkata, bidang keusahawanan veterinar adalah sangat luas merangkumi perniagaan pengurusan ladang ternakan, seliaan haiwan, klinik haiwan peliharaan dan beberapa cabang lain yang berkaitan dengan kepakaran veterinar.

Menurutnya, program itu juga diharap dapat melahirkan serta membentuk generasi dinamik dan membekalkan mahasiswa dengan pelbagai cabang ilmu perniagaan.

"Program inkubator ini adalah satu program keusahawanan dan Fakulti Perubatan Veterinar ini adalah fakulti pertama terpilih untuk melaksanakan program berkenaan.

"Kita juga menerima saluran dana daripada Kementerian Pendidikan sebanyak RM100,000 yang akan digunakan untuk membiayai aktiviti serta latihan keusahawanan fakulti," katanya ketika memberi ucapan perasmian program itu, di sini, semalam.

Dalam majlis itu, tiga tokoh alumni fakulti berkenaan yang berjaya menempa nama di bidang terbabit diberi Anugerah Usahawan Cemerlang Alumni Veterinar.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Perancang Penyelidikan dan Penyelaras Dasar) Kementerian Pendidikan Datin Dr Syahira Hamidon.

Mohd Azmi berkata, beliau berharap program berkenaan dapat melahirkan lebih ramai tokoh veterinar yang terbabit secara langsung dalam bidang keusahawanan bertepatan dengan saranan kerajaan.

Sementara itu, penerima anugerah berkenaan, Dr Nor Azam Bahari, 44, menzahirkan rasa terima kasih kepada pihak universiti kerana mengiktiraf pencapaian-nya dalam bidang veterinar selepas berkecimpung lebih 10 tahun lalu.

Beliau yang juga Ketua Eksekutif di Syarikat Global Veterinary Sdn Bhd menegaskan bidang perniagaan veterinar sememangnya kurang diteroka siswazah tempatan sedangkan mempunyai potensi besar untuk berjaya.

"Bidang ini luas dan banyak peluang untuk berjaya jika siswazah bijak menggunakan peluang ini. Namun, harus diingatkan supaya graduan baru dapat menimba pengalaman terlebih dulu memandangkan perniagaan dalam sektor ini lebih mencabar," katanya.

FAKTA
Tiga tokoh alumni
fakulti diberi
Anugerah
Usahawan
Cemerlang Alumni
Veterinar